

MBPP dan MPSP minta kontraktor bertanggungjawab

UTUSAN ONLINE | 20 Ogos 2019 7:06 PM



PULAU PINANG 20 Ogos - Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menuntut kontraktor yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan sistem Penang Smart Parking' (PSP) menjelaskan kegagalan sistem itu beroperasi selepas dua hari dilancarkan.

Dalam sidang akhbar bersama di sini hari ini, Datuk Bandar MBPP, Datuk Yew Tung Seang dan Yang Dipertua MPSP, Datuk Rozali Mohamad menuntut kontraktor sistem itu, HeiTech Padu Berhad berbuat demikian.

Tung Seang berkata, beliau kecewa dengan kegagalan sistem berkenaan kerana kontrak pelaksanaannya sudah dimuktamadkan beberapa bulan lalu, namun tidak dipatuhi mengikut garis masa yang ditetapkan.

"Isu-isu seperti ini dibimbangi akan menyebabkan keyakinan awam terhadap pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini berkurangan dan sama sekali tidak dapat diterima," katanya di sini hari ini.

Ahad lalu, Ketua Menteri, Chow Kon Yeow melancarkan sistem PSP berkenaan yang mana aplikasinya boleh dimuat turun pada hari dilancarkan.

Bagaimanapun, hanya aplikasi pada sistem iOS yang digunakan oleh peranti Apple boleh dimuat turun manakala aplikasi di Google Playstore untuk peranti Android tidak tersedia.

Dalam pada itu, Rozali berkata, beliau tidak akan berkompromi dalam isu terbabit dan mahu masalah tersebut diatasi segera.